

CNS6064

U CB 29-08 00174 BH500

aab

Mahathir - Daim

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Bekas Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin akan diberi jawatan bertaraf menteri untuk mengetuai satu badan yang akan mewakili Malaysia dalam cadangan kerjasama ekonomi segi tiga antara negeri-negeri Utara Semenanjung, Selatan Thailand dan Utara Sumatera.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Tun Daim bukan dilantik sebagai menteri tetapi diberi taraf menteri untuk melaksanakan tugas-tugas tertentu semasa mewakili Malaysia dalam hubungan dengan dua negara jiran itu.

Perlantikan bertaraf menteri itu bukanlah sesuatu yang baru kerana beberapa tokoh lain juga pernah diberi taraf sedemikian, katanya pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini hari ini.

Beliau berkata Tun Daim juga sebelum ini dilantik mewakili kerajaan pusat dalam Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) dan Lembaga Pembangunan Labuan.

Bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam yang dilantik sebagai duta khas ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dan bekas Menteri Kebajikan Masyarakat, Datuk Mustapha Mohamad, Duta Besar di Brunei Darussalam juga diberi taraf menteri. -- Lagi

♥29/08/21-03MST

CNS6065

U CB 29-08 00094 BH501

aab

Mahathir - Daim 2 (akhir) Kuala Lumpur

Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat kemudian memberitahu pemberita bahawa kerjasama pembangunan di bahagian Utara itu menyerupai kerjasama segi tiga antara Singapura, Johor dan Batam di Indonesia.

Katanya, Tun Daim akan menjadi pengerusi kepada sebuah badan yang akan dilantik untuk mewakili Malaysia dalam kerjasama itu.

Datuk Mohamed, yang juga Setiausaha Agung Umno, berkata taraf sebagai menteri itu bertujuan antara lain memberinya kuasa untuk membuat keputusan bagi kerajaan Malaysia semasa berunding dengan pihak di Thailand dan Indonesia.-- Bernama

♥29/08/21-03MST